



**GARIS PANDUAN PENSIJILAN BAGI SIJIL HALAL
DAN LABEL HALAL BRUNEI DARUSSALAM**

GARIS PANDUAN UNTUK AUDIT PEMATUHAN

**Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam**

BCG Halal 2

Hak Cipta Terpelihara

Majlis Ugama Islam
Negara Brunei Darussalam

GARIS PANDUAN UNTUK AUDIT PEMATUHAN

BCG Halal 2
Edisi Pertama 2007

ISBN 99917-38-38-X

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
Ahli Jawatankuasa	ii
Ahli Kumpulan Kerja	iii
1. Skop	1
2. Definisi	1
3. Prosedur Audit Pematuhan	7
4. Perlantikan dan Pendaftaran Jururaudit Pemantauan	7
5. Isi Kandungan Senarai Semakan	8
6. Rujukan	14

Ahli Jawatankuasa

Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard dan Garis Panduan Kebangsaan bagi Makanan Halal telah diamanahkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama untuk menyediakan Garis Panduan ini. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri daripada:

Setiausaha Tetap (Pengerusi)	Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Setiausaha Majlis Ugama Islam (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Hal Ehwal Syariah (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Unit Perundangan Islam	Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan.
Pengarah Pertanian	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Ketua Bahagian Pembangunan Agro-Teknologi	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Ketua Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Ketua Pegawai Penyelidik Ugama	Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Ugama Kanan	Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pegawai Projek Kanan	Pusat Akreditasi dan Piawaian Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama
Timbalan Penasihat Undang-Undang	Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Tugas-tugas Khas	Kementerian Pembangunan.
Timbalan Dekan	Universiti Brunei Darussalam.
Pengurus	BMC Food Industries Sdn. Bhd.
Pengarah Eksekutif	PDS Abattoir Sdn. Bhd. dan PDS Meat Industries Sdn. Bhd.
Pengurus	Mulaut Abattoir Sdn. Bhd.
Pengurus	Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

Ahli Kumpulan Kerja

Kumpulan Kerja Garis Panduan Pensijilan Halal, yang menyediakan Garis Panduan Pensijilan bagi Sijil Halal dan Label Halal Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari wakil-wakil berikut:

Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin (Pengerusi)	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar	Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Awang Haji Kasim bin Haji Mohamad	Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Dayang Hajah Dahliana binti Hj. Aliakbar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Pengiran Hajah Masliati binti PSJ Pengiran Haji Abdul Mumin	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dayang Hajah Rokiah binti Haji Omar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dr. Kasumawati binti Haji Md. Ja'afar	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dayang Hajah Roainah binti Haji Abdul Rahman	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.
Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abdul Hamid	Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

1. SKOP

Garis panduan untuk Audit Pematuhan Halal adalah salah satu garis panduan di bawah Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam (BCG Halal). Garis panduan ini di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam (Majlis), yang memerlukan sesebuah tempat perniagaan untuk menubuhkan dan melaksanakan prosedur-prosedur Halal yang memenuhi Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD 24:2007 dan Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam – Garis Panduan untuk Pensijilan Halal (BCG Halal 1), diikuti dengan permohonan dan pemberian Sijil Halal dan Label Halal.

Tujuan audit pematuhan Halal ini adalah untuk mengadakan pengesahan pihak ketiga bahawa elemen-elemen Halal telah dilaksanakan. Garis panduan ini merangkumi prosedur-prosedur bagi audit pematuhan.

2. DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, definisi berikut hendaklah digunapakai:

2.1 Audit kecukupan

Suatu audit dokumen untuk memeriksa / menyemak kandungan kesemua dokumen sokongan seperti yang dikehendaki oleh Majlis: Keperluan-keperluan Am untuk Pensijilan Halal termasuk Sijil Halal, rekod, senarai ramuan dan bahan pembungkusan telah dihantar bagi mengesahkan kesemua keperluan Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD 24 : 2007 dan Garis Panduan Pensijilan Brunei Darussalam bagi Sijil Halal dan Label Halal - Garis Panduan Pensijilan Halal (BCG Halal 1) telah dipenuhi.

2.2 Audit

Proses yang bersistematik, bebas dan didokumenkan untuk mendapatkan bukti audit (2.4) dan menilainya secara objektif bagi menentukan sejauh mana kriteria audit (2.3) telah dipenuhi. Audit akan dijalankan oleh juruaudit terlatih yang dilantik sebagai pemeriksa di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 bagi memastikan sama ada prosedur dan keperluan-keperluan Halal serta

